

# Program Bersamamu Anak Yatim SK Pekan Satu



Labuan, 10 Mei- Sekolah Kebangsaan Pekan Satu, merupakan sekolah yang mempunyai bilangan murid paling ramai di W.P.Labuan. Di saat menuju Hari Lebaran,warga SK Pekan Satu W.P. Labuan tidak melupakan kebajikan pelajar Islam yang kehilangan salah seorang Ibubapa atau kedua-duanya.Golongan ini dikenali anak-anak yatim dalam konteks Islam.

Sempena bulan Ramadhan ini, program sumbangan anak-anak yatim telah dibuat melalui aktiviti Ihya' Ramadhan anjuran Panatia Pendidikan Islam.Penyelaras program ini Ustazah Dayang Faridah binti Besar dan Ustazah Megawati Abd Rahman. Sumbangan dana telah diusahakan bagi meringankan bebanan keluarga anak-anak yatim tersebut. Seluruh warga SKPS menggembeling tenaga dan usaha mendapatkan dana untuk membantu bagi memenuhi keperluan anak anak yatim tersebut.

Justeru itu pada 10 Mei 2019 yang lalu, seramai 32 orang murid anak yatim dari aliran perdana dan PPPKI telah

dibawa ke pusat membeli belah untuk membeli keperluan Hari Raya mereka. Malahan Guru Besar SK Pekan Satu, W.P. Labuan Pn Anita Shyamini A/P S. Azman dan Pen. Kanan Pentadbiran Pn Zailiana Zainol juga turun padang membantu memilih pakaian dan kasut kesukaan mereka.



#### Suasana memilih pakaian raya

Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Kegembiraan dan rasa suka terpancar pada riak wajah anak-anak yatim semasa memilih pakaian baru mereka. Malahan mereka bersorak kegembiraan apabila dibenarkan memilih kasut raya kerana pada awalnya mereka hanya tahu baju raya saja yang hendak dibeli. Oleh itu lengkaplah sepersalinan pakaian anak-anak yatim tersebut. Bagi murid lelaki baju melayu, samping, songkok dan kasut. Manakala bagi murid perempuan baju kurung, tudung dan kasut.

Penyerahan pakaian raya dan barang keperluan lain seperti hamper, biskut dan sampul raya akan diadakan pada hari selasa depan 21 Mei 2019 bertempat di Dewan CUN SK Pejan Satu,W.P.Labuan. Terima kasih diucapkan kepada guru-guru, ibubapa, individu dan pihak tertentu yang memberikan sumbangan kewangan dan tenaga bagi membantu golongan anak-anak-anak yatim SK.Pekan Satu,W.P.Labuan.

"Mereka bertanya kepadamu tentang apa yang mereka nafkahkan. Jawablah: "Apa saja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu-bapak, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan." Dan apa saja kebijakan yang kamu buat, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya."

(QS. Al-Baqarah [2] : 215)

